



اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Tel: 05-4596204 Fax: 05-4595488

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : UPSI/PEND/220/3.1(14)

Tarikh : 11 Februari 2000
5 Zulkaedah 1420

Dekan-dekan
Ketua-ketua Bahagian/Unit
Semua Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tuan/Puan,

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.2 TAHUN 2000

Hari Rehat Sabtu.

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kemudahan Hari Rehat Sabtu pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan bagi perkhidmatan awam.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah melaksanakan Hari Rehat Sabtu pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan mulai 1 Januari 1999 dengan hasrat untuk mewujudkan satu masyarakat penyayang serta mengalakkan anggota menziarahi ibu bapa, sanak saudara dan melancong dalam negeri. Memandangkan kesannya yang menggalakkan, Kerajaan telah memutuskan supaya hari Sabtu minggu ketiga juga dijadikan Hari Rehat Sabtu bagi setiap bulan.

PELAKSANAAN

3. Hari Rehat Sabtu adalah ditetapkan pada hari Sabtu minggu pertama dan ketiga setiap bulan.
4. Hari Rehat Sabtu ini berbeza daripada Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am kerana masa yang digunakan untuk kemudahan tersebut perlu diganti. Waktu Bekerja Pejabat hari Sabtu yang dijadikan Hari Rehat Sabtu akan digantikan pada hari-hari bekerja yang lain, tidak termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am.

5. Waktu Bekerja Pejabat baru berikutan dengan pelaksanaan Hari Rehat Sabtu adalah seperti berikut: -

Hari	Waktu Bekerja (pagi)	Waktu Rehat	Waktu Bekerja (petang)
Isnin - Khamis	8.00 – 1.00	1.00 – 2.00	2.00 – 4.30
Jumaat	8.00 – 12.15	12.15 – 2.45	2.45 – 4.30
Sabtu	8.00 – 12.50		

- 5.1. Sekiranya Hari Kelepasan Am jatuh pada Hari Rehat Sabtu, maka hari Sabtu berikutnya dijadikan Hari Rehat Sabtu.
- 5.2. Pengiraan Bayaran Kerja Lebih Masa pada Hari Rehat Sabtu hendaklah mengikut kadar gandaan Hari Rehat Mingguan.
- 5.3. Hari Rehat Sabtu hanya terpakai bagi anggota yang bekerja mengikut Waktu Bekerja Pejabat.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai 14 Februari 2000.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(SAYUTI B. SAHLAN)
Pendaftar

s.k.: Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor